

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1985/86

STW 212 - Intervensi Sosial dengan
Individu, Keluarga dan Kumpulan

Tarikh: 6 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab EMPAT soalan. Soalan Bahagian A mesti dijawab.
Jawab SATU soalan dalam Bahagian B dan DUA soalan dalam
Bahagian C. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa
Malaysia.

Bahagian A (30 markah)

Pengelolaan Kerja

Dalam keadaan sekeliling kita masa kini, berbagai kejadian sosial berlaku seperti tumpuan kerja kepada pencegahan penagih dadah, Seminar Pendidikan Kerja Sosial, Seminar Uğama dan Seminar Rundingcara, kes-kes tuduhan pecah Amanah di Mahkamah, kes pembuangan kerja kakitangan atas tindakan tatatertib dan lain-lain.

Dengan fahaman bahawa Intervensi Sosial bermakna pengendalian kerja, bukan sahaja dengan mereka yang terbuang oleh masyarakat, bahkan dengan apa jua keadaan sosial di sekeliling, pilih salah satu keadaan yang berlaku di sekeliling saudara seperti;

- Kelemahan pelajar tertentu dalam Akademia
- Pembuangan pekerja kilang
- Pembuangan kakitangan atas tindakan tatatertib
- Soal Hak dan Tanggungjawab oleh Ketua Jabatan dan lain-lain situasi yang dipilih oleh saudara.

Nyatakan bagaimana saudara mengendalikan situasi yang dipilih dengan memegang kepada nilai, prinsip, ethika dan kaedah yang telah dipelajari.

...2/-

Bahagian B (20 markah)

Teori Kaedah-Kaedah

Jawab SATU dari DUA soalan.

1. Dalam Intervensi Sosial, Pendekatan Pembangunan Sosial dan Pendekatan Rawatan Sosial boleh diaplikasikan dalam keadaan tertentu, kedua-dua sekali atau berasingan.

Adakah saudara bersetuju atau tidak bersetuju?
Beri penjelasan dengan menggunakan contoh.
2. Kerja Kumpulan membawa pengertian yang berbeza mengikut konteks situasi. Pileh dua situasi yang anda ketahui dan bincang perbezaan konsep yang ada dalam situasi yang dipileh.

Bahagian C (50 markah)

Praktik Kerja

Jawab DUA dari EMPAT soalan.

1. Dalam Kerja Sosial "the conscious use of self" (Menggunakan diri dengan kesedaran) membawa pengertian yang mendalam. Pileh satu situasi di mana ini boleh ditunjukkan.

Apakah tanggungjawab saudara terhadap diri saudara, klien dan situasi di mana saudara berada?
2. Bagaimanakah saudara membentuk sesuatu kumpulan dengan mengambil kira Ugama dan Kebudayaan, matlamat, objektif kumpulan itu?

...3/-

3. Dalam keadaan pembelajaran, berbagai masalah dihadapi oleh pelajar-pelajar seperti perhubungan dengan kakitangan, fahaman bacaan, masalah keluarga, masalah peribadi. Ini boleh mengakibatkan tergendatnya kemajuan pembelajaran pelajar-pelajar.

Apakah peranan dan langkah yang boleh saudara laksanakan sebagai salah seorang ahli sistem sokongan untuk pelajar-pelajar?

4. Salah satu matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah Perpaduan.

Apakah petunjuk-petunjuk sebenarnya yang saudara dapat lihat yang membuktikan ini berlaku atau tidak berlaku di kalangan kumpulan-kumpulan. Bagaimana pada fikiran saudara diperingkat saudara berada, boleh saudara memainkan peranan cuba mencapai perpaduan.

